

BAB V

PENUTUP

5.1. Kesimpulan

Untuk mengakhiri tulisan ini boleh dikemukakan beberapa hal penting sebagai rumusan dan kesimpulan daripada huraian terdahulu.

Raf' al-haraj bermaksud menghilangkan atau mengelakkan keadaan yang boleh membawa kepada kesukaran (*masyaqqah*) yang melebihi batas yang biasa (*masyaqqah zâ'idah*). Ini berlaku di dalam semua amalan-amalan yang disyariatkan oleh Allah dimana seseorang *mukallaf* tidak boleh dibebankan dengan hukum hakam yang di luar kesanggupannya. Contohnya Islam mengharuskan berbuka puasa (di bulan Ramadan) bagi orang yang sakit dan orang yang sedang dalam perjalanan (musafir). *Raf' al-haraj* bertujuan agar amalan seseorang tidak terputus di tengah jalan atau seseorang terus berhenti beribadat, menghindarkan kemudaratan yang mungkin akan timbul, disamping itu juga dikhuatiri kesukaran (*masyaqqah*) tersebut akan menyebabkan seseorang *mukallaf* lalai terhadap kewajibannya yang lain.

Para fuqaha telah menafsirkan ayat-ayat al-Quran tentang kemudahan hukum bagi orang yang sakit dan musafir dengan batasan-batasan yang tertentu, iaitu membatasi makna sakit dengan sakit yang berat dan membahayakan sebagai syarat untuk membolehkan tayamum dan berbuka puasa, membatasi *safar* dengan masa atau dengan jarak perjalanan tertentu untuk membolehkan *qasar* solat dan berbuka puasa dengan dalil mereka

masing-masing, serta memberikan *rukhsah* hanya bagi musafir yang perjalanannya bertujuan taat/kebaikan, bukan dalam *safar* maksiat kecuali ulama-ulama Mazhab Hanafi yang membolehkannya.

Semua bentuk had yang ditentukan oleh para fuqaha dipandang oleh Muhammad Rasyid Rida di dalam *Tafsîr al-Manârnya* sebagai suatu kepicikan dan kesempatan di dalam agama, yang bertentangan dengan prinsip *raf' al-haraj* itu sendiri. Para fuqaha mengasaskan pendapat mereka dengan hadith atau *athar*, namun menurut Muhammad Rasyid Rida tidak ada satu hadith pun yang memenuhi syarat dan boleh digunakan sebagai penentu makna sakit dan *safar*. Menurut Muhammad Rasyid Rida, kata sakit dan *safar* di dalam *nas* al-Quran adalah bersifat umum (lafaz mutlak), tidak terikat dengan sifat tertentu. Dengan demikian keumuman lafaz ini ini hendaklah ditafsirkan berdasarkan adat kebiasaan atau '*urf*'. '*Urf* seperti yang dibincangkan dalam teori usul fiqh boleh dijadikan asas untuk menjelaskan lafaz-lafaz yang umum dan lafaz-lafaz yang mutlak. Begitu juga halnya dengan masalah yang tidak ada *nasnya*. Menurut Muhammad Rasyid Rida '*urf* itu selalu mengalami perubahan, maka kerana itu pengertian sakit dan *safar* di dalam *nas* al-Quran akan mengalami perkembangan dan perubahan yang sesuai dengan perkembangan ijtihad dan ini sekaligus memperlihatkan unsur-unsur fleksibel di dalam Syariat Islam.

Meskipun Muhammad Rasyid Rida tidak memberikan konsep yang jelas mengenai pengertian makna sakit dan *safar* berdasarkan '*urf* dari penjelasan-penjelasan di dalam kitab *Tafsîr al-Manâr*, namun pengertian

sakit dan *safar* masih terikat dengan batasan-batasan tertentu. Walau bagaimanapun apa yang jelas ialah batasan yang dinyatakan oleh Muhammad Rasyid Rida ini jauh berbeza dengan had dan batasan yang dikemukakan oleh para fuqaha sebelum beliau. Apa yang nyata had dan batasan yang dikemukakan oleh Muhammad Rasyid Rida dalam konteks perbincangan beliau mengenai persoalan sakit dan *safar* lebih bersifat dinamik dan fleksibel berbanding dengan apa yang dikemukakan oleh para fuqaha terdahulu.

5.2 Saranan

Hukum Islam sentiasa bersifat fleksibel dan dinamik. Mungkin inilah salah satu hikmah kewujudan ijtihad sesudah wafatnya Rasulullah saw. Amalan ijtihad sudah dilakukan sejak di zaman para sahabat dan *tabi'in* lagi untuk menentukan hukum sesuatu masalah yang tidak pernah berlaku pada masa hidupnya Rasulullah saw.

Adapun permasalahan sakit dan *safar*, walaupun pada masa Rasulullah saw sudah wujud *masyaqqah* padanya namun ianya dalam situasi yang amat berbeza sekali. Kondisi masa, tempat, alam dan alat pengangkutan semuanya sudah berubah sama sekali.

Para fuqaha memberi batasan untuk sakit dan *safar* yang boleh diberi kelonggaran hukum pada *mukallaf* dengan batasan sakit yang kuat/teruk dan perjalanan yang jauh. Dan tentu sekali batasan tersebut sudah tidak sesuai

apabila diaplikasikan pada masa sekarang. Orang yang kakinya diamputasi mungkin tidak ada halangan untuk berpuasa dan orang yang menempuh perjalanan sejauh 50 km sahaja mungkin dibolehkan untuk mengqasarkan atau menjamakkan solat kerana terperangkap di dalam kesesakan lalu lintas yang teruk, dan dalam hal ini had yang ditetapkan oleh para fuqaha tidak boleh diguna pakai sama sekali. Jadi adalah penting untuk para fuqaha pada masa ini untuk lebih memahami situasi dan kondisi semasa untuk dapat menetapkan/mengistinbatkan hukum dengan lebih tepat pada masa sekarang.

Penetapan hukum berasaskan *'urf* masyarakat patut diguna pakai dan dira'ikan. Di dalam hal ini para fuqaha perlu lebih memahami mengenai *'urf* masyarakat setempat disamping memiliki pengetahuan serba sedikit mengenai bidang perubatan, ekonomi, pengangkutan dan sebagainya agar kepentingan *mukallaf* dan agama tetap terpelihara.

Disamping itu, para *mukallaf* juga memerlukan ilmu, keikhlasan dan kejujuran bagi menentukan tahap *masyaqqah* pada dirinya sendiri (berdasarkan tanda-tanda, pengalaman, nasihat pakar) sehingga kemudian mampu mengambil rukhsah dalam keadaan yang benar dan tidak berasaskan kehendak nafsu semata-mata.

Maktabah Islamiah

Jaya Ajandi bin
Mujahid

Khazin, Alauddin
Khazin, I, Mesir
Halabi